RINGGIT

EDISI JAN 2017

RAKAN KEWANGAN ANDA



Mengapa Anda Perlukan Insurans / Takaful?



Menabung: Azam Tahun Baru



Tip Elak Penipuan MLM di Malaysia

5 Teknik Untuk Tetapkan Matlamat Kewangan Tahun 2017

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

5 Teknik Untuk Tetapkan Matlamat Kewangan Tahun 2017

Sudahkah impian dan matlamat anda dipenuhi pada tahun lalu? Pernahkah matlamat atau impian anda tidak tercapai? Pernahkah anda bermimpi atau membayangkan anda berjaya mencapai matlamat anda?

Kisah sebenar Pemenang Pingat Emas Acara Menembak Sukan Olimpik tahun 1948 dan 1952, Karoly Takacs, seorang tentera Hungary. Beliau mengimpikan untuk memenangi pingat pada Sukan Olimpik sejak tahun 1938, setelah banyak memenangi pingat di peringkat antarabangsa. Impian beliau hampir kecundang apabila mengalami kecederaan pada tangan kanan, yang merupakan satu-satunya impian beliau untuk mendapat memenangi Pingat Olimpik di Tokyo pada tahun 1940. Beliau tidak berputus asa dan berusaha berlatih menggunakan tangan kiri untuk memburu impian dalam tempoh dua tahun. Namun, pertandingan Sukan Olimpik telah dibatalkan pada tahun 1940 dan 1944 kerana Perang Dunia. Karoly tetap memberikan tumpuan terhadap impian beliau untuk memburu Pingat Emas Olimpik pada tahun 1948. Umur Karoly pada tahun 1938 ialah 28 tahun, manakala pada 1948, umur beliau pula ialah 38 tahun. Agak sukar untuk beliau bersaing dengan pesaing yang baru dan hebat. Namun begitu, hasil daripada usaha beliau, yang memberikan tumpuan dan berazam dengan bersungguh-sungguh, maka beliau berjaya memenangi pingat emas 2 kali berturut-turut dalam Olimpik.



Matlamat kehidupan hampir sama seperti anda meletakkannya dalam mencapai matlamat kewangan anda. Setiap daripada anda berbeza dari segi pendapatan, umur dan impian kewangan yang ingin dicapai. Matlamat kewangan boleh diletakkan secara bertempoh, iaitu Matlamat Jangka Pendek (kurang dari setahun), Matlamat Jangka Sederhana (1 hingga 3 tahun) dan Matlamat Jangka Panjang (5 tahun ke atas). Walau bagaimanapun, artikel kali ini akan membantu anda menetapkan matlamat Jangka Pendek.

Teknik 1: Tetapkan Matlamat

Senarionya, Fazlin mempunyai satu kad kredit yang masih mempunyai baki tertunggak sebanyak RM2,000. Beliau berazam untuk menyelesaikan baki tertunggak itu. Sekiranya beliau berazam menjelaskan baki dalam



"Matlamat kehidupan hampir sama seperti anda meletakkannya dalam mencapai matlamat kewangan anda."

tempoh 6 bulan, anggaran bayaran yang perlu beliau jelaskan dengan pihak bank secara bulanan ialah RM400, dengan mengambil kira 15% kadar faedah tahunan. Maka, Fazlin telah menetapkan matlamat menjelaskan hutang kad kredit dalam tempoh 6 bulan. Selain itu, beliau boleh mencari produk-produk kewangan yang lain bagi tujuan ini, contohnya membuat pemindahan baki kepada bank lain yang menawarkan kadar faedah lebih rendah dengan jadual pembayaran balik yang sesuai.

Beliau juga berazam, selepas selesai menjelaskan hutang, beliau ingin membuat simpanan dalam akaun simpanan dan membeli polisi perlindungan takaful bernilai RM500,000 untuk dirinya.

Teknik 2: Pastikan Anda Benar-benar Ingin Capai Matlamat Tersebut

Fazlin perlu berusaha untuk memastikan matlamat yang ditetapkan itu tercapai dan relevan untuk ditunaikan. Dalam tempoh 6 bulan, Fazlin

Sidang Redaksi

Penasihat
YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang : www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (ملىسيا) سندرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

membuat bajet yang bersesuaian untuk menjelaskan baki bulanan sebanyak RM400. Contohnya, Fazlin perlu mengubah bajet beliau seperti membawa bekal ke pejabat, membeli belah hanya di pasar raya kecil, masak sendiri di rumah, mengehadkan aktiviti percutian di luar negara. Bajet, seperti bayaran balik pinjaman kereta, rumah, pusat jagaan anak, tidak boleh diubah.

Paling penting, Fazlin perlu berazam tidak menambah hutang yang baru dan benar-benar berazam untuk menjelaskan baki tertunggak.



Teknik 3: Kongsikan Matlamat Anda

Fazlin menerangkan kepada suami beliau, Encik Azhar tentang matlamat yang beliau ingin lakukan. Penglibatan ahli keluarga penting untuk membantu anda mencapai matlamat kewangan anda. Libatkan juga anak-anak dalam hal ini, seperti menggalakkan anak-anda dan ahli keluarga anda berjimat cermat menggunakan elektrik, air, padamkan suis televisyen apabila tidak menggunakannya dan pastikan televisyen tidak berada dalam mod '*standby*'.

Teknik 4: Tuliskan Matlamat Anda

Teknik menulis sangat berkesan untuk anda praktikkan. Tuliskan azam dan matlamat kewangan anda pada buku catatan yang anda gunakan seharian atau letakkan di bilik tidur atau pada peti sejuk untuk memudahkan anda melihatnya setiap hari. Tanamkan hasrat bahawa matlamat kewangan anda akan tercapai.

Teknik 5: Kekalkan Matlamat dan Tidak Putus Asa

Pada masa anda sedang berusaha mengejar matlamat, sesekali anda mungkin diuji dengan pelbagai dugaan, seperti keluarga ditimpa musibah, kereta rosak atau sebagainya. Anda perlu mengekalkan matlamat dan jangan mudah berputus asa. Rujuk kembali bajet yang anda lakukan, dan sesuaikan dengan situasi yang berlaku. Sentiasa berusaha untuk mencari peluang bagi menambahkan pendapatan dan mengurangkan perbelanjaan.

Sumber: FOMCA





Mengapa anda perlukan INSURANS/ TAKAFUL?

Insurans / takaful melindungi diri dan harta anda daripada risiko yang tidak diingini

Sumber: Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia

Apa perlu anda lakukan apabila membeli Polisi Insurans / Takaful ?

FAHAMI POLISI INSURANS / SIJIL TAKAFUL

DEDAHKAN SEMUA MAKLUMAT PENTING

PASTIKAN AMAUN PERLINDUNGAN SESUAI DENGAN KEPERLUAN

BERURUSAN HANYA DENGAN EJEN BERDAFTAR

INGAT!
Insurans adalah perlindungan

BUKAN!
Simpanan atau pelaburan



Sumber: Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia

Menabung: Azam Tahun Baru



Membuka tirai tahun 2017, ramai yang memasang azam baharu. Tidak kurang pula yang hanya ingin melunaskan azam tahun lalu yang tidak kesampaian. Namun setiap azam pastinya berdepan dengan cabaran yang tersendiri, termasuk jika anda berazam untuk menabung.

Artikel kali ini akan membantu anda untuk membuat tabungan dengan cara yang tidak 'menyeksa' diri. Saya ingin kongsikan cabaran yang telah menjadi tular di laman sosial, iaitu tentang cara menabung oleh *Puan Norsharniza Abd Rahim*,

2017 Money Saving 52 Week Challenge

Minggu		Deposit	Jumlah	Minggu		Deposit	Jumlah	Minggu		Deposit	Jumlah
1	O	RM1	RM1	19	O	RM19	RM190	37	O	RM37	RM703
2	O	RM2	RM3	20	O	RM20	RM210	38	O	RM38	RM741
3	O	RM3	RM6	21	O	RM21	RM231	39	O	RM39	RM780
4	O	RM4	RM10	22	O	RM22	RM253	40	O	RM40	RM820
5	O	RM5	RM15	23	O	RM23	RM276	41	O	RM41	RM861
6	O	RM6	RM21	24	O	RM24	RM300	42	O	RM42	RM903
7	O	RM7	RM28	25	O	RM25	RM325	43	O	RM43	RM946
8	O	RM8	RM36	26	O	RM26	RM351	44	O	RM44	RM990
9	O	RM9	RM45	27	O	RM27	RM378	45	O	RM45	RM1,035
10	O	RM10	RM55	28	O	RM28	RM406	46	O	RM46	RM1,081
11	O	RM11	RM66	29	O	RM29	RM435	47	O	RM47	RM1,128
12	O	RM12	RM78	30	O	RM30	RM465	48	O	RM48	RM1,176
13	O	RM13	RM91	31	O	RM31	RM496	49	O	RM49	RM1,225
14	O	RM14	RM105	32	O	RM32	RM528	50	O	RM50	RM1,275
15	O	RM15	RM120	33	O	RM33	RM561	51	O	RM51	RM1,326
16	O	RM16	RM136	34	O	RM34	RM595	52	O	RM52	RM1,378
17	O	RM17	RM153	35	O	RM35	RM630				
18	O	RM18	RM171	36	O	RM36	RM666				

2017 Money Saving 12 Month Challenge

	Bulan	Simpan	Jumlah
O	Januari	RM25	RM25
O	Februari	RM50	RM75
O	Mac	RM75	RM150
O	April	RM100	RM250
O	Mei	RM125	RM375
O	Jun	RM150	RM525
O	Julai	RM150	RM675
O	Ogos	RM125	RM800
O	September	RM100	RM900
O	Oktober	RM75	RM975
O	November	RM50	RM1,025
O	Disember	RM25	RM1,050

seorang guru dari Ipoh, Perak. Beliau menggunakan kaedah menyimpan wang dengan membuat jadual bagi melatih diri lebih berdisiplin. Idea yang beliau perolehi di luar negara telah diolah menjadi lebih praktikal bagi memudahkan proses mengingati jumlah duit tabungan yang disimpan.

Melalui jadual yang dikongsikan ini, anda perlu membuat tabungan secara mingguan atau bulanan dengan jumlah terkumpul yang bakal anda peroleh. Pada akhir tahun, anda tidak perlu mengira jumlah tabungan berkenaan kerana sudah tertulis jumlah yang terkumpul. Anda juga boleh menggalakkan anak-anak anda membuat tabungan bersama-sama. Ciptakan matlamat tabungan untuk anak-anak anda, seperti Tabung 1 - simpanan untuk membeli basikal, Tabung 2 - simpanan untuk membeli PS3 dan sebagainya.

Matlamat simpanan ini boleh dicapai sekiranya ia diiringi dengan usaha yang tiada jemu. Semuanya bergantung kepada sejauh mana usaha dan semangat untuk melaksanakan azam yang diinginkan.

Sumber: Olahan daripada Facebook Puan Norsharniza Abdul Rahim



Minggu	Deposit	Simpanan
1	RM2.00	RM2.00
2	RM2.00	RM4.00
3	RM2.00	RM6.00
4	RM2.00	RM8.00
5	RM2.00	RM10.00
6	RM2.00	RM12.00
7	RM2.00	RM14.00
8	RM2.00	RM16.00
9	RM2.00	RM18.00
10	RM2.00	RM20.00
11	RM2.00	RM22.00
12	RM2.00	RM24.00
13	RM2.00	RM26.00
1st QUARTER		**RM26.00**

Minggu	Deposit	Simpanan
14	RM2.00	RM28.00
15	RM2.00	RM30.00
16	RM2.00	RM32.00
17	RM2.00	RM34.00
18	RM2.00	RM36.00
19	RM2.00	RM38.00
20	RM2.00	RM40.00
21	RM2.00	RM42.00
22	RM2.00	RM44.00
23	RM2.00	RM46.00
24	RM2.00	RM48.00
25	RM2.00	RM50.00
26	RM2.00	RM52.00
2nd QUARTER		**RM52.00**

Minggu	Deposit	Simpanan
27	RM2.00	RM54.00
28	RM2.00	RM56.00
29	RM2.00	RM58.00
30	RM2.00	RM60.00
31	RM2.00	RM62.00
32	RM2.00	RM64.00
33	RM2.00	RM66.00
34	RM2.00	RM68.00
35	RM2.00	RM70.00
36	RM2.00	RM72.00
37	RM2.00	RM74.00
38	RM2.00	RM76.00
39	RM2.00	RM78.00
3rd QUARTER		**RM78.00**

Minggu	Deposit	Simpanan
40	RM2.00	RM80.00
41	RM2.00	RM82.00
42	RM2.00	RM84.00
43	RM2.00	RM86.00
44	RM2.00	RM88.00
45	RM2.00	RM90.00
46	RM2.00	RM92.00
47	RM2.00	RM94.00
48	RM2.00	RM96.00
49	RM2.00	RM98.00
50	RM2.00	RM100.00
51	RM2.00	RM102.00
52	RM2.00	RM104.00
4th QUARTER		**RM104.00**

Persediaan simpanan untuk pendidikan anak-anak

Berapa kosnya?



	2016 (RM)	18 tahun kemudian (RM)
Universiti di UK	208,018	354,137
Universiti di Australia	184,696	314,433
Universiti di US	253,083	430,857
Universiti Tempatan	53,108	90,000

**kadar inflasi sebanyak 3%*

Bagaimana?

01 Kenal pasti universiti pilihan

CTH : United Kingdom (UK)
= **RM 208,018**

02 Berapa perlu simpan untuk setahun?

CTH : RM 208,018/18
= RM 11,556
Sebulan = **RM 963**

03 Mula buat simpanan

Pulangan simpanan mesti melebihi **3%** setahun

Dimana?

- Pelan Insurans Pendidikan
- SSPN
- ASB
- Unit Amanah
- Simpanan Tetap
- Simpanan Junior

Lebih awal anda mula, lebih mudah ia akan menjadi!

AKPKofficial

Tip Elak Penipuan MLM Di Malaysia



Terma MLM *(Multi-Level-Marketing)* yang telah dibincangkan sejak sedekad yang lalu sering dikaitkan dengan imej negatif. Persoalan mengenai integriti operasi syarikat MLM akan sentiasa menjadi bualan. Teruskan membaca untuk mengetahui tip mengelak penipuan MLM.

Seperti yang diketahui ramai, MLM secara asasnya beroperasi dengan sistem 'piramid', tidak kira bagaimana mereka cuba menjustifikasi modus operandi mereka. Terdapat banyak skim piramid di luar sana, tetapi yang biasa diguna pakai adalah '*naked*' dan skim berasaskan produk. Jadi, bagaimana mereka beroperasi?

Skim Piramid *'naked'*

Adakah anda pernah dengar skim cepat kaya? Skim piramid '*naked*' dikatakan boleh menjana keuntungan berjuta-juta ringgit, terutama golongan yang paling awal menyertai skim ini, atau lebih dikenali sebagai '*up-liners*' berkitar dengan dua istilah: 'francais' dan 'pelaburan'.

Ia akan bermula dengan perancang (*leader*) skim yang biasanya akan menggunakan kata-kata pujukan manis kepada bakal peserta dengan terma, seperti 'pelaburan tanpa risiko' atau 'goyang kaki dapat duit' untuk merekrut '*down-liners*' bagi menyertai pelan 'pelaburan' mereka. Setiap '*down-liner,* itu perlu membayar wang pendahuluan (sebagai contoh: RM1,000) untuk menyertai program tersebut.

Sebaik sahaja anda menyertai program tersebut, anda dikehendaki untuk mencari 10 orang lagi untuk mendaftar di bawah anda bagi mendapatkan pulangan 'pelaburan' anda. Kitaran perekrutan yang berterusan inilah yang digelar *Multi-Level Marketing*.

Tidak ada sebarang penjualan produk berlaku, hanya janji selagi anda terus merekrut dan menjual 'francais' tersebut, anda akan menjana keuntungan. Lambat laun, '*down-liners*' akan mengalami masalah untuk merekrut peserta kerana tiada siapa lagi yang boleh direkrutkan memandangkan semua telah mendaftar dan akhirnya keuntungan hanya akan dikecapi oleh mereka di peringkat tertinggi sahaja.

Maka, fikirkanlah sendiri, adakah tindakan ini beretika dan sah di sisi undang-undang? Dengan mendaftar, anda turut mengheret *down-liners* anda yang biasanya terdiri daripada keluarga dan rakan-rakan untuk 'sedekahkan' wang mereka kepada pihak yang hanya menabur janji kosong sahaja.

Kami amat memuji tindakan pihak berkuasa yang menjejaki, mendedahkan dan mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti tidak berintegriti ini. Sekira tuan mempunyai maklumat berkenaan aktiviti atau program MLM atau mangsa kepada aktiviti atau penipuan tersebut, hantarkan maklumat terperinci atau aduan beserta dokumen-dokumen sokongan ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), di alamat berikut:

Pusat Pengurusan Aduan Pengguna KPDNKK
Bahagian Gerakan Kepenggunaan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Koperasi dan Kepenggunaan
No.13, Aras 4 (Podium 1)
Persiaran Perdana, Presint 2
62623 W.P. Putrajaya
emel: eaduan@kpdnkk.gov.my

Di samping itu orang ramai juga boleh merujuk kepada "Senarai Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan" di laman sesawang rasmi Bank Negara Malaysia sebagai panduan dan rujukan segera buat orang ramai apabila membuat keputusan berhubung dengan pelbagai perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh pihak yang tidak berlesen. "Senarai Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan" juga merupakan satu panduan dan rujukan segera buat orang ramai supaya berhati-hati sebelum membuat keputusan untuk menyertai mana-mana skim pelaburan yang menjanjikan pulangan yang tinggi dalam jangka masa yang singkat. Ianya juga bertujuan untuk mengelak orang ramai dari mengalami kerugian melalui pelaburan yang dibuat dan menjadi mangsa penipuan oleh sindiket yang tidak bertanggung jawab.Sila layari "Senarai Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan" di pautan berikut: *http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_financialconsumeralert&lang=bm.*

Skim Piramid Berasaskan Produk

Pernahkah anda menerima panggilan yang memaklumkan bahawa anda telah berjaya memenangi pakej percutian dan meminta anda bersama-sama pasangan hadir ke satu perjumpaan?

Apabila anda hadir ke perjumpaan itu, anda ditawarkan satu 'perniagaan' yang mendakwa boleh menjana pendapatan sehingga RM300,000 sebulan. Anda cuma perlu membuat bayaran pendahuluan (atau biasanya mereka gunakan terma 'pelaburan' awal) sebanyak RM36,000 untuk mendapat pek permulaan yang mengandungi produk 'inovasi berteknologi tinggi' dan akan 'laku macam pisang goreng panas!'.

Ketika ini, pasti terdetik dalam hati anda, "Ini skim MLM kah? Tapi, mereka ada menjual barangan dan mempunyai pejabat yang mewah. Mungkin berbaloinya sertai program ini. Bila lagi hendak menjadi bos kepada diri sendiri," Persoalan utamanya, **BAGAIMANA** untung akan dijana melalui skim ini?

1. Anda perlu merekrut 5 orang yang juga perlu membayar RM36,000 untuk pek permulaan dengan produk yang perlu dijual.
2. Anda akan menerima pendapatan sebahagian daripada setiap produk yang berjaya dijual, dan juga dari apa yang '*downliner*' anda jual.
3. Semakin ramai anda rekrut, semakin banyak keuntungan yang anda akan jana.

Namun begitu, kebanyakan produk yang dijual melalui skim piramid ini mempunyai ciri-ciri yang keterlaluan (seperti mendakwa penjimatan bil elektrik sehingga 90%, mampu menyembuhkan penyakit kanser, kencing manis, lemah jantung dan pelbagai) ataupun memiliki harga yang lebih tinggi daripada pasaran. Tambahan pula, anda hanya akan mendapat margin keuntungan yang kecil, kecuali anda menjual produk-produk itu dengan kuantiti yang banyak.

Apa yang ingin ditekankan di sini ialah, semua tawaran hanya ingin mengaburi perhatian anda daripada fakta sebenar yang ia adalah sebuah skim piramid yang mengambil kesempatan terhadap ketamakan dan keinginan orang lain.

Produk yang ditawarkan hanyalah untuk meyakinkan anda yang ia bukan skim MLM. Keuntungan sebenar dijana dengan merekrut lebih ramai '*down-liners*' untuk mendapat komisyen daripada hasil jualan atau rekrutan mereka. Berdasarkan situasi di atas:

1. Anda bayar RM36,000 untuk menyertai skim tersebut, dan anda perlu rekrut 5 orang menjadi *downliner* anda untuk memperoleh ROI (*Return of Investment*: *Pulangan Pelaburan*). RM36,000 x 5 = RM180,000.
2. Anda akan dapat 30% dari RM180,000 sebagai ROI anda, yang berjumlah RM54,000. Untung bersih yang anda dapat jana ialah RM54,000 – RM36,000 = RM18,000, hasil dari usaha anda merekrut 5 orang tersebut untuk melabur RM36,000.
3. Baki RM126,000 lagi akan dibahagi-bahagikan antara senior *up-line*.

Maka sebanyak RM126,000 yang anda usahakan bakal jatuh ke tangan individu yang tidak melakukan APA-APA, selain menawarkan 'nasihat' dan 'sokongan motivasi'. Sudah tentulah mereka perlu memotivasikan anda selaku *golden goose* mereka! Tambahan pula, fikirkan berapa banyak wang, masa dan tenaga yang anda perlu habiskan semata-mata untuk merekrut orang ramai bagi memenuhi kuota dan rumuskan: berbaloikah?

Tidak dinafikan, ada sahaja syarikat MLM yang sah di sisi undang-undang (yang beroperasi secara jualan langsung daripada mempromosi francais dan keahlian). Apa yang ingin ditegaskan di sini ialah tidak ada jalan pintas untuk menjadi jutawan seperti mana yang diwar-warkan. Adalah lebih baik jika anda melabur melalui unit amanah, simpanan tetap, bon dan juga hartanah.

Sumber: CompareHero.my

MULA GUNAKAN PIN 6 DIGIT ANDA DI STESEN-STESEN MINYAK

Bagi menyelaraskan Malaysia dengan amalan terbaik global untuk keselamatan kad pembayaran, terminal luar layan diri di stesen minyak sedang dinaik taraf bagi menyokong pembayaran menggunakan kad PIN.

Anda akan diminta untuk memasukkan PIN 6 digit anda apabila membuat pembayaran menggunakan kad bagi mengisi minyak di terminal layan diri di stesen minyak. Jadi mula gunakan PIN 6 digit anda hari ini.

www.pinandpay.com.my

Cara-cara untuk membuat pembayaran di terminal luar layan diri dengan PIN di stesen minyak



1. Jika terminal luar layan diri meminta PIN anda

Anda perlu memasukkan PIN anda.



2. Jika anda belum menerima kad kredit atau kad debit PIN baharu anda ataupun tidak tahu PIN anda

- Pergi ke kaunter kedai stesen minyak; dan
- Hubungi pengeluar kad anda secepat mungkin.



3. Jika transaksi ditolak atas sebab PIN yang salah

- Mulakan transaksi sekali lagi; atau
- Pergi ke kaunter kedai; dan
- Hubungi pengeluar kad anda secepat mungkin.



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Association of Islamic Banking Institutions Malaysia